

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membentangkan dapatan kajian daripada hasil yang diperolehi melalui penganalisan data soal selidik yang telah dijalankan berdasarkan penghuraian deskriptif menggunakan frekuensi dan peratusan. Berdasarkan soal selidik juga, korelasi pearson digunakan bagi mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang positif antara persepsi murid mengenai bahasa Arab, persepsi murid mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi murid terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, penganalisan soalan pengujian murid pula dibuat berdasarkan peratusan bagi mengenal pasti peningkatan prestasi yang diperolehi oleh murid manakala *ujian -t* pula digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan pencapaian bahasa Arab antara kumpulan yang diajar dengan menggunakan bahan bantu mengajar (kumpulan rawatan) dan kumpulan yang diajar menggunakan pengajaran biasa ataupun konvensional (kumpulan kawalan) terhadap topik-topik tertentu yang telah dipilih dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tahun Lima dalam kalangan responden kajian. Hasil daripada temu bual bersama guru-guru bahasa Arab akan dianalisis dan diinterpretasikan semula oleh pengkaji.

Dalam bab ini, pengkaji menganalisis dan menghuraikan dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan empat kategori iaitu :

- a) Soal selidik murid
- b) Soalan pengujian
- c) Temu bual guru bahasa Arab

#### **4.1 Huraian Soal Selidik Murid**

Dapatan soal selidik ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu butiran peribadi responden, bahan bantu mengajar yang paling diminati, persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab, persepsi murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi murid terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pengkaji juga akan menerangkan korelasi antara persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab dengan persepsi murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar, kolerasi antara persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab dengan persepsi murid terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan kolerasi persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi amalan terhadap dalam pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

##### **4.1.1 Bahagian A : Butiran Peribadi Responden**

Dapatan kajian dalam bahagian ini merangkumi aspek-aspek berikut :

- 1) Jantina
- 2) Umur
- 3) Pekerjaan bapa
- 4) Pekerjaan ibu
- 5) Percakapan harian di rumah
- 6) Darjah
- 7) Keputusan akhir tahun bahasa Arab
- 8) Megikuti kelas KAFA
- 9) Berminat belajar bahasa Arab
- 10) Mengapa belajar bahasa Arab

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina Dan Umur

Item		Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	33	55.0
	Perempuan	27	45.0
	Jumlah	60	100.0
Umur	11 tahun	60	100.0
	Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.1, responden kajian ini adalah sebanyak 60 orang murid (100.0%) yang terdiri daripada 33 orang murid lelaki (55.0%) dan 27 orang murid perempuan (45.0%). Keseluruhan responden adalah berumur 11 tahun (100.0%).

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Bapa

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Akauntan	1	1.7
Guru	5	8.3
Juruteknik	3	5.0
Jurutera	3	5.0
Kerani	2	3.3
Kontraktor	1	1.7
Pekerja Kilang	1	1.7
Pemandu lori	1	1.7
Pembantu gudang	1	1.7
Pembantu stor	1	1.7

Pembina rumah	1	1.7
Pendawaian	4	6.7
Pengawal Keselamatan	1	1.7
Pengurus	10	16.7
Peniaga	11	18.3
Pensyarah	2	3.3
Penyelia	6	10.0
Penyelia tapak	1	1.7
Pesara	2	3.3
Polis	2	3.3
Pustakawan	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan taburan pekerjaan bapa bagi 60 orang responden tersebut. Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 11 orang (18.3%) adalah bekerja sebagai peniaga, diikuti dengan pengurus sebanyak 10 orang (16.7 %), penyelia sebanyak enam orang (10.0%), guru sebanyak lima orang (8.3%), pendawaian sebanyak empat orang (6.7%), diikuti juruteknik dan jurutera masing-masing sebanyak tiga orang (5.0%), kerani, pensyarah, pesara dan polis masing-masing sebanyak dua orang (3.3%) manakala akauntan, kontraktor, pekerja kilang, pemandu lori, pembantu gudang, pembantu stor, pembina rumah, pengawal keselamatan, penyelia tapak dan pustakawan masing-masing seorang (1.7%). Dapatan menunjukkan bahawa pekerjaan bapa responden terdiri daripada pelbagai sosioekonomi iaitu ada yang terlibat dalam sektor awam, sektor swasta dan ada juga yang bekerja sendiri.

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Doktor	1	1.7
Guru	7	11.7
Guru besar	1	1.7
Jurubank	1	1.7
Kerani	2	3.3
Pengurus	1	1.7
Peniaga	4	6.7
Suri rumah	43	71.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan ibu. Sebanyak 43 orang (71.7%) daripada ibu responden adalah suri rumah, diikuti dengan guru sebanyak tujuh orang (11.7%), peniaga sebanyak empat orang (6.7%), seterusnya kerani sebanyak dua orang (3.3%), manakala doktor, guru besar, jurubank dan pengurus masing-masing sebanyak seorang (1.7%). Data menunjukkan kebanyakan daripada ibu responden adalah tidak bekerja iaitu sebagai suri rumah.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Bahasa Percakapan Harian Di Rumah

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Bahasa Melayu	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.4, keseluruhan responden iaitu (100.0%) menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu sebagai bahasa percakapan harian di rumah. Hal ini menunjukkan bahawa responden hanya menggunakan bahasa Arab sewaktu berada di sekolah sahaja.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Kelas Atau Darjah

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Berlian	20	33.3
Intan	20	33.3
Delima	20	33.3
Jumlah	60	100.0

Dalam Jadual 4.5 menunjukkan bilangan responden mengikut kelas atau darjah mereka. Sebanyak 20 orang responden (33.3%) adalah terdiri daripada kelas Berlian, sebanyak 20 orang responden (33.3%) terdiri daripada kelas Intan dan 20 orang responden (33.3%) (33.3%) terdiri daripada kelas Delima. Dapatan menunjukkan keseimbangan jumlah responden dari ketiga-tiga kelas yang terlibat.

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
A	10	16.7
B	20	33.3
C	23	38.3
D	6	10.0

E	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan pencapaian keputusan peperiksaan akhir tahun bahasa Arab dan didapati pencapaian responden terdiri dari pelbagai peringkat gred. Sebanyak 10 orang responden (16.7%) mendapat gred A, sebanyak 20 orang responden (33.3%) mendapat gred B, 23 orang responden (38.3 %) mendapat gred C, enam orang responden (10.0%) mendapat gred D dan seorang responden (1.7%) mendapat gred E. Daripada dapatan tersebut, didapati 30 orang responden (50.0%) memperolehi gred A dan B dalam peperiksaan akhir tahun dan hasil ini menunjukkan satu pencapaian yang baik dalam bahasa Arab. 23 orang responden (38.3%) pula memperolehi pencapaian yang sederhana, enam orang responden memperolehi pencapaian yang lemah dan seorang responden (1.7%) memperolehi pencapaian yang sangat lemah.

Jadual 4.7: Taburan Responden Yang Mengikuti Kelas KAFA

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Ya	15	25.0
Tidak	45	75.0
Jumlah	60	100.0

Data daripada Jadual 4.7 menunjukkan 15 orang responden (25.0%) mengikuti kelas KAFA dan 45 orang responden (75.0%) tidak mengikuti kelas KAFA. Hasil daripada kajian ini menunjukkan lebih sebahagian daripada responden tidak mengikuti kelas KAFA dan

menunjukkan bahawa responden hanya mempelajari bahasa Arab ketika berada di sekolah harian biasa sahaja.

Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Minat Mempelajari Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	11	18.3
Berminat	27	45.0
Kurang Berminat	18	30.0
Tidak Berminat	4	6.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.8 menunjukkan 11 orang responden (18.3%) sangat berminat mempelajari bahasa Arab, diikuti 27 orang responden (45.0%) berminat mempelajari bahasa Arab, 18 orang responden (30.0%) kurang berminat mempelajari bahasa Arab dan empat orang responden (6.7%) tidak berminat mempelajari bahasa Arab. Jika dilihat, jumlah gabungan responden antara sangat berminat dan berminat mempelajari bahasa Arab adalah sebanyak 38 orang responden (63.3%) dan jumlah tersebut menunjukkan sebahagian daripada responden berminat dalam mempelajari bahasa tersebut.

Jadual 4.9 : Taburan Sebab Responden Mempelajari Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Pilihan sendiri	38	63.3
Terpaksa	10	16.7
Pilihan keluarga	9	15.0



Ikut rakan	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Manakala dalam Jadual 4.9 menunjukkan 38 orang responden (63.3%) mempelajari belajar bahasa Arab kerana pilihan sendiri, 10 orang responden (16.7%) mempelajari bahasa Arab kerana terpaksa, diikuti dengan sembilan orang responden (15.0%) mempelajari bahasa Arab kerana pilihan keluarga dan tiga orang responden (5.0%) lagi mempelajari bahasa Arab kerana ikut rakan. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian daripada responden memilih bahasa Arab adalah kerana pilihan sendiri.

#### **4.1.2 Bahagian B: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Yang Paling Diminati**

Data berkenaan maklumat bahan bantu yang paling diminati merangkumi :

- 1) Gambar
- 2) Kad imbasan
- 3) *Powerpoint*
- 4) Komputer
- 5) Video
- 6) Latih tubi
- 7) Buku teks
- 8) Papan tulis
- 9) Lembaran kerja
- 10) Kamus bergambar

Jadual 4.10 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Gambar)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	28	46.7
Berminat	18	30.0
Sederhana	9	15.0
Tidak Berminat	3	5.0
Amat Tidak Berminat	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa 28 orang responden (46.7%) sangat berminat dengan penggunaan BBM berbentuk gambar semasa mempelajari bahasa Arab, 18 orang responden (30.0%) pula berminat, sembilan orang responden (15.0%) adalah sederhana, tiga orang responden (5.0%) tidak berminat dan dua orang responden (3.3 %) pula amat tidak berminat dengan penggunaan BBM berasaskan gambar. Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih sebahagian daripada responden berminat dengan penggunaan BBM berasaskan gambar ketika mempelajari bahasa Arab.

Jadual 4.11 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Kad Imbasan)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	21	35.0
Berminat	14	23.3
Sederhana	13	21.7
Tidak Berminat	9	15.0
Amat Tidak Berminat	3	5.0

Jumlah	60	100.0
--------	----	-------

Data yang diperolehi daripada Jadual 4.11 pula menunjukkan bahawa 21 orang responden (35.0%) sangat berminat dengan penggunaan BBM berbentuk kad imbasan, seterusnya diikuti 14 orang responden (23.3%) menunjukkan berminat, kemudian 13 orang responden (21.7 %) pula adalah sederhana, sembilan orang responden (15.0%) pula adalah tidak berminat manakala tiga orang responden (5.0%) adalah amat tidak berminat dengan BBM tersebut. Namun begitu, hampir sebahagian daripada responden berminat mempelajari bahasa Arab dengan penggunaan BBM berbentuk kad imbasan.

Jadual 4.12 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (*Powerpoint*)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	32	53.3
Berminat	13	21.7
Sederhana	10	16.7
Tidak Berminat	3	5.0
Amat Tidak Berminat	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Hasil daripada Jadual 4.12, didapati 32 orang responden (53.3%) sangat berminat terhadap penggunaan BBM berbentuk *powerpoint* dalam pembelajaran. Diikuti pula dengan 13 orang responden (21.7%) menunjukkan berminat terhadap penggunaan *powerpoint*, 10 orang responden (16.7%) pula menunjukkan sederhana, tiga orang responden (5.0%) menunjukkan tidak berminat dan dua orang responden (3.3%) menunjukkan amat tidak

berminat. Jelaslah di sini bahawa lebih sebahagian daripada responden sangat berminat terhadap pembelajaran berbentuk *powerpoint*.

Jadual 4.13 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Komputer)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	44	73.3
Berminat	10	16.7
Sederhana	4	6.7
Tidak Berminat	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.13 pula menunjukkan taburan minat responden terhadap penggunaan BBM berbentuk komputer. Hasil daripada kajian telah mendapati bahawa 44 orang responden (73.3%) menunjukkan sangat berminat, diikuti 10 orang responden (16.7%) menunjukkan berminat, kemudian empat orang responden (6.7%) menunjukkan sederhana dan dua orang responden (3.3%) adalah tidak berminat. Data menunjukkan hampir keseluruhan daripada responden adalah sangat berminat terhadap penggunaan komputer dalam pembelajaran.

Jadual 4.14 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Video)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	26	43.3
Berminat	18	30.0
Sederhana	10	16.7
Tidak Berminat	5	8.3

Amat Tidak Berminat	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.14, didapati sebanyak 26 orang responden (43.3%) sangat berminat terhadap penggunaan BBM berbentuk video dalam pembelajaran, 18 orang responden (30.0%) pula menunjukkan berminat, seterusnya 10 orang responden (16.7%) adalah sederhana, diikuti pula dengan lima orang responden (8.3%) menunjukkan tidak berminat dan seorang responden (1.7%) menunjukkan amat tidak berminat.

Jadual 4.15 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Latih Tubi)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	23	38.3
Berminat	10	16.7
Sederhana	19	31.7
Tidak Berminat	3	5.0
Amat Tidak Berminat	5	8.3
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.15 pula menunjukkan taburan responden terhadap penggunaan BBM berbentuk video. Hasil kajian mendapati bahawa 23 orang responden (38.3%) sangat berminat terhadap penggunaan video dalam pembelajaran, 10 orang responden (16.7%) menunjukkan berminat, seterusnya 19 orang responden (31.7%) menunjukkan sederhana, tiga orang responden (5.0%) pula menunjukkan tidak berminat dan lima orang responden ( 8.3 % ) menunjukkan amat tidak berminat.

Jadual 4.16 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Buku Teks)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	21	35.0
Berminat	15	25.0
Sederhana	20	33.3
Tidak Berminat	1	1.7
Amat Tidak Berminat	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Data daripada Jadual 4.16 pula menunjukkan seramai 20 orang responden (35.0%) menunjukkan sangat berminat terhadap penggunaan BBM berbentuk buku teks, 15 orang responden (25.0%) menunjukkan berminat, diikuti 20 orang responden (33.3%) menunjukkan tahap sederhana, seterusnya seorang responden (1.7%) menunjukkan tidak berminat dan tiga orang responden (5.0%) menunjukkan amat tidak berminat.

Jadual 4.17 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Papan Tulis)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	16	26.7
Berminat	18	30.0
Sederhana	20	33.3
Tidak Berminat	4	6.7
Amat Tidak Berminat	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Merujuk kepada Jadual 4.17, didapati seramai 16 orang responden (26.7%) sangat berminat terhadap penggunaan BBM berbentuk papan tulis dalam pembelajaran. Seterusnya 18 orang responden (30.0%) menunjukkan berminat, diikuti 20 orang responden (33.3%) menunjukkan sederhana, empat orang responden pula (6.7%) menunjukkan tidak berminat dan dua orang responden (3.3%) menunjukkan amat tidak berminat. Walaupun era teknologi maklumat kian maju dan tersebar meluas dalam dunia pendidikan pada masa kini, namun penggunaan papan tulis juga masih diminati dan masih lagi digunakan di semua peringkat sama ada di peringkat sekolah, universiti dan kolej.

Jadual 4.18 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Lembaran Kerja)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	17	28.3
Berminat	16	26.7
Sederhana	22	36.7
Tidak Berminat	2	3.3
Amat Tidak Berminat	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Hasil daripada Jadual 4.18 mendapati bahawa 17 orang responden (28.3%) sangat berminat terhadap BBM berbentuk lembaran kerja dalam pembelajaran. Seterusnya 16 orang responden (26.7%) pula menunjukkan berminat, diikuti 22 orang responden (36.7%) menunjukkan sederhana, manakala dua orang responden (3.3%) menunjukkan tidak berminat dan tiga orang responden (5.0%) lagi menunjukkan amat tidak berminat terhadap BBM ini.

Jadual 4.19 : Taburan Minat Responden Terhadap BBM (Kamus Bergambar)

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Berminat	20	33.3
Berminat	19	31.7
Sederhana	15	25.0
Tidak Berminat	3	5.0
Amat Tidak Berminat	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Data daripada Jadual 4.19 menunjukkan taburan minat responden terhadap BBM berbentuk kamus bergambar dalam pembelajaran. Didapati sebanyak 20 orang responden (33.3%) sangat berminat terhadap BBM ini, seterusnya sebanyak 19 orang responden (31.7%) menunjukkan berminat, diikuti dengan 15 orang responden (25.0%) menunjukkan sederhana, tiga orang responden (5.0%) menunjukkan tidak berminat dan selebihnya sebanyak tiga orang responden (5.0%) juga menunjukkan amat tidak berminat terhadap BBM berbentuk kamus bergambar.

#### 4.1.3 Bahagian C: Persepsi Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab

Data berkenaan persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab meliputi :

- 11) Bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang menarik
- 12) Bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang susah dipelajari
- 13) Bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang penting
- 14) Bahasa Arab menarik minat saya untuk belajar
- 15) Bahasa Arab sedikit sebanyak membantu saya memahami kandungan Al-Quran



- 16) Bahasa Arab sedikit sebanyak membantu saya dalam memahami bacaan ketika solat
- 17) Bahasa Arab membantu saya memahami cerita-cerita Arab
- 18) Guru banyak membantu saya dalam mempelajari bahasa Arab
- 19) Rakan banyak membantu saya dalam mempelajari bahasa Arab
- 20) Keluarga banyak membantu saya dalam mempelajari bahasa Arab

Jadual 4.20 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Bahasa Arab Merupakan Mata Pelajaran Yang Menarik

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	20	33.3
Setuju	29	48.3
Tidak Pasti	6	10.0
Tidak Setuju	4	6.7
Amat Tidak Setuju	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.20 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang menarik. Daripada jadual berikut, didapati 20 orang responden (33.3%) amat setuju terhadap kenyataan tersebut, sebanyak 29 orang responden (48.3%) pula menunjukkan setuju, diikuti pula dengan enam orang responden (10.0%) menunjukkan tidak pasti, seterusnya empat orang responden (6.7%) menunjukkan tidak setuju dan seorang responden (1.7%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.21 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Bahasa Arab Merupakan Mata Pelajaran Yang Susah Dipelajari

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	9	15.0
Setuju	15	25.0
Tidak Pasti	14	23.3
Tidak Setuju	17	28.3
Amat Tidak Setuju	5	8.3
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.21, sebanyak 9 orang responden (15.0%) menunjukkan amat setuju mengenai persepsi terhadap bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang susah untuk dipelajari. Sebanyak 15 orang responden (25.0%) menunjukkan setuju, seterusnya sebanyak 14 orang responden (23.3%) menunjukkan tidak pasti, diikuti sebanyak 17 orang responden (28.3%) menunjukkan tidak setuju dan lima orang responden (8.3%) pula menunjukkan amat tidak setuju terhadap kenyataan tersebut.

Jadual 4.22: Taburan Persepsi Responden Mengenai Bahasa Arab Merupakan Mata Pelajaran Yang Penting

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	27	45.0
Setuju	18	30.0
Tidak Pasti	10	16.7
Tidak Setuju	4	6.7

Amat Tidak Setuju	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.22 pula menunjukkan taburan responden mengenai bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang penting. Data daripada jadual telah mendapati bahawa sebanyak 27 orang responden (45.0%) menunjukkan amat setuju terhadap kenyataan tersebut, sebanyak 18 orang responden pula (30.0%) menunjukkan setuju, 10 orang responden (16.7%) menunjukkan tidak pasti, seterusnya empat orang responden (6.7%) menunjukkan tidak setuju dan seorang responden (1.7 %) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.23 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Bahasa Arab Menarik Minat Untuk Belajar

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	20	33.3
Setuju	19	31.7
Tidak Pasti	12	20.0
Tidak Setuju	7	11.7
Amat Tidak Setuju	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Taburan persepsi responden mengenai bahasa Arab menarik minat mereka untuk belajar boleh dirujuk dalam Jadual 4.23. Dalam jadual tersebut, terdapat 20 orang responden (33.3%) menunjukkan amat setuju, sebanyak 19 orang responden pula (31.7%) menunjukkan setuju, diikuti dengan 12 orang responden (20.0%) menunjukkan tidak pasti,

seterusnya tujuh orang responden (11.7%) menunjukkan tidak setuju dan dua orang responden (3.3%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.24 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Bahasa Arab Sedikit Sedikit  
Membantu Memahami Kandungan Al-Quran

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	37	61.7
Setuju	17	28.3
Tidak Pasti	3	5.0
Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.24, didapati sebanyak 37 orang responden (61.7%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi mengenai bahasa Arab sedikit sebanyak membantu mereka memahami kandungan Al-Quran. Seterusnya sebanyak 17 orang responden (28.3%) menunjukkan setuju, diikuti tiga orang responden (5.0%) menunjukkan tidak pasti dan tiga orang responden (5.0%) juga lagi menunjukkan tidak setuju. Daripada hasil yang diperolehi, data telah menunjukkan bahawa lebih sebahagian daripada responden adalah amat setuju dengan kenyataan bahasa Arab sedikit sebanyak membantu mereka untuk memahami kandungan dalam al-Quran.

Jadual 4.25 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Bahasa Arab Sedikit Sedikit  
Membantu Dalam Memahami Bacaan Ketika Solat

Item	Frekuensi	Peratus (%)
------	-----------	-------------

Amat Setuju	35	58.3
Setuju	18	30.0
Tidak Pasti	5	8.3
Tidak Setuju	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Hasil daripada Jadual 4.25 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai bahasa Arab membantu mereka dalam memahami bacaan ketika solat. Lebih sebahagian daripada responden iaitu sebanyak 35 orang (58.3%) menunjukkan persepsi amat setuju, seterusnya sebanyak 18 orang responden (30.0%) menunjukkan setuju, seterusnya sebanyak lima orang responden (8.3%) menunjukkan tidak pasti dan dua orang responden (3.3%) pula menunjukkan tidak setuju.

Jadual 4.26 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Bahasa Arab Membantu Memahami Cerita-cerita Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	19	31.7
Setuju	19	31.7
Tidak Pasti	10	16.7
Tidak Setuju	9	15.0
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.26 pula menunjukkan taburan persepsi responden mengenai bahasa Arab membantu mereka dalam memahami cerita-cerita Arab. Sebanyak 19 orang responden (31.7%) menunjukkan amat setuju, 19 orang responden (31.7%) juga menunjukkan setuju, seterusnya 10 orang responden (16.7%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan sembilan orang responden (15.0%) tidak setuju dan tiga orang responden (5.0%) pula menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.27 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Guru Banyak Membantu Dalam Mempelajari Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	24	40.0
Setuju	25	41.7
Tidak Pasti	6	10.0
Tidak Setuju	2	3.3
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.27, didapati bahawa sebanyak 24 orang responden (40.0%) menunjukkan amat setuju mengenai persepsi guru banyak membantu mereka dalam mempelajari bahasa Arab. Sebanyak 25 orang responden (41.7%) menunjukkan setuju, seterusnya enam orang responden (10.0%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dua orang responden (3.3%) menunjukkan tidak setuju dan tiga orang responden (5.0%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.28 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Rakan Banyak Membantu Dalam Mempelajari Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	13	21.7
Setuju	15	25.0
Tidak Pasti	12	20.0
Tidak Setuju	15	25.0
Amat Tidak Setuju	5	8.3
Jumlah	60	100.0

Hasil daripada Jadual 4.28 pula menunjukkan taburan persepsi responden mengenai rakan banyak membantu mereka dalam mempelajari bahasa Arab. Data tersebut telah mendapati bahawa 13 orang responden (21.7%) menunjukkan amat setuju, 15 orang responden (25.0%) menunjukkan setuju, seterusnya 12 orang responden (20.0%) menunjukkan tidak pasti, diikuti sebanyak 15 orang responden (25.0%) menunjukkan tidak setuju dan lima orang responden (8.3%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.29 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Keluarga Banyak Membantu Dalam Mempelajari Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	12	20.0
Setuju	15	25.0
Tidak Pasti	16	26.7
Tidak Setuju	9	15.0

Amat Tidak Setuju	8	13.3
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.29 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai keluarga banyak membantu mereka dalam mempelajari bahasa Arab. Data yang diperolehi telah menunjukkan bahawa 12 orang responden (20.0%) amat setuju, sebanyak 15 orang responden (25.0%) menunjukkan setuju, seterusnya sebanyak 16 orang responden (26.7%) menunjukkan tidak pasti, diikuti sembilan orang responden (15.0%) menunjukkan tidak setuju dan lapan orang responden (13.3%) lagi menunjukkan amat tidak setuju.

#### **4.1.4 Bahagian D: Persepsi Murid Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar**

Data berkenaan persepsi murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar meliputi :

- 21) Kad imbasan memudahkan saya untuk belajar bahasa Arab
- 22) Penggunaan gambar memudahkan saya untuk mengingat sesuatu perkataan baru  
contohnya nama binatang, nama buah-buahan, anggota badan dan sebagainya
- 23) Lembaran kerja dapat membantu saya mempelajari bahasa Arab
- 24) Pembelajaran melalui lagu menarik minat saya untuk belajar bahasa Arab
- 25) Kamus bergambar banyak menolong saya mempelajari sesuatu perkataan baru
- 26) Buku teks yang digunakan amat sesuai untuk saya belajar bahasa Arab
- 27) Penggunaan video seperti cerita kartun Arab amat membantu saya memperolehi  
perkataan baru
- 28) Penggunaan papan tulis banyak membantu saya ketika mempelajari bahasa Arab
- 29) Latih tubi membantu saya mengingat semula apa yang telah dipelajari sebelumnya
- 30) Saya minat belajar bahasa Arab menggunakan komputer khususnya dalam bentuk  
*powerpoint*



Jadual 4.30 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Kad Imbasan Memudahkan Untuk Belajar Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	12	20.0
Setuju	25	41.7
Tidak Pasti	15	25.0
Tidak Setuju	7	11.7
Amat Tidak Setuju	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Data yang diperolehi daripada Jadual 4.30 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai kad imbasan memudahkan mereka untuk belajar bahasa Arab. Hasil daripada kajian telah mendapati bahawa 12 orang responden (20.0%) menunjukkan amat setuju, sebanyak 25 orang responden (41.7%) menunjukkan setuju, seterusnya 15 orang responden (25.0%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan tujuh orang responden (11.7%) menunjukkan tidak setuju dan seorang responden (1.7%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.31: Taburan Persepsi Responden Mengenai Penggunaan Gambar Memudahkan Untuk Mengingati Sesuatu Perkataan Baru Contohnya Nama Binatang, Nama Buah-buahan, Anggota Badan Dan Sebagainya

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	27	45.0
Setuju	18	30.0
Tidak Pasti	10	16.7

Tidak Setuju	3	5.0
Amat Tidak Setuju	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.31, sebanyak 27 orang responden (45.0%) amat bersetuju dengan penggunaan gambar memudahkan mereka untuk mengingat sesuatu perkataan baru contohnya nama binatang, nama buah-buahan, anggota badan dan sebagainya semasa mempelajari bahasa Arab. Seterusnya, sebanyak 18 orang responden (30.0%) menunjukkan setuju, diikuti dengan 10 orang responden (16.7%) menunjukkan tidak pasti, tiga orang responden (5.0%) menunjukkan tidak setuju dan dua orang responden (3.3%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.32: Taburan Persepsi Responden Mengenai Lembaran Kerja Dapat Membantu Dalam Mempelajari Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	18	30.0
Setuju	19	31.7
Tidak Pasti	12	20.0
Tidak Setuju	8	13.3
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Merujuk kepada Jadual 4.32 di atas, sebanyak 18 orang responden (30.0%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi mengenai lembaran kerja dapat membantu mereka

mempelajari bahasa Arab, sebanyak 19 orang responden pula (31.7%) menunjukkan setuju, seterusnya 12 orang responden (20.0%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan lapan orang responden (13.3%) menunjukkan tidak setuju dan tiga orang responden (5.0%) pula menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.33: Taburan Persepsi Responden Mengenai Pembelajaran Melalui Lagu Menarik  
Minat Untuk Belajar Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	20	33.3
Setuju	18	30.0
Tidak Pasti	14	23.3
Tidak Setuju	4	6.7
Amat Tidak Setuju	4	6.7
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.33 pula, telah didapati sebanyak 20 responden (33.3%) menunjukkan persepsi amat setuju mengenai pembelajaran melalui lagu menarik minat mereka untuk belajar bahasa Arab. Seterusnya sebanyak 18 orang responden pula (30.0%) menunjukkan setuju, diikuti dengan 14 orang responden (23.3%) menunjukkan tidak pasti, empat orang responden (6.7%) menunjukkan tidak setuju dan empat orang responden (6.7%) lagi juga menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.34 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Kamus Bergambar Banyak Menolong  
 Dalam Mempelajari Sesuatu Perkataan Baru

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	30	50.0
Setuju	19	31.7
Tidak Pasti	2	3.3
Tidak Setuju	6	10.0
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.34 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai kamus bergambar banyak menolong mereka dalam mempelajari sesuatu yang baru dan telah didapati sebanyak 30 orang responden (50.0%) menunjukkan amat setuju, 19 orang responden (31.7%) menunjukkan setuju, dua orang responden (3.3%) menunjukkan tidak pasti, seterusnya enam orang responden (10.0%) menunjukkan tidak setuju dan tiga orang responden (5.0%) menunjukkan amat tidak setuju. Hasil dapatan menunjukkan sebahagian daripada responden amat setuju dengan persepsi tersebut.

Jadual 4.35 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Buku Teks Yang Digunakan Amat  
 Sesuai Untuk Belajar Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	19	31.7
Setuju	24	40.0
Tidak Pasti	6	10.0

Tidak Setuju	5	8.3
Amat Tidak Setuju	6	10.0
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.35, didapati bahawa 19 orang responden (31.7%) amat bersetuju terhadap persepsi mengenai buku teks yang digunakan amat sesuai untuk mereka belajar bahasa Arab, seterusnya sebanyak 24 orang responden (40.0%) menunjukkan setuju, enam orang responden (10.0%) menunjukkan tidak pasti, manakala lima orang responden (8.3%) menunjukkan tidak setuju dan enam orang responden (10.0%) pula menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.36 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Penggunaan Video Seperti Cerita Kartun Arab Amat Membantu Dalam Memperolehi Perkataan Baru

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	28	46.7
Setuju	16	26.7
Tidak Pasti	10	16.7
Tidak Setuju	6	10.0
Jumlah	60	100.0

Data yang diperolehi daripada Jadual 4.36 menunjukkan taburan persepsi responden mengenai penggunaan video seperti cerita kartun Arab amat membantu mereka untuk memperoleh perkataan baru dan didapati bahawa sebanyak 28 orang responden (46.7%) menunjukkan amat setuju, diikuti dengan 16 orang responden (26.7%) menunjukkan setuju,

seterusnya 10 orang responden (16.7%) menunjukkan tidak pasti dan 6 orang responden (10.0%) pula menunjukkan tidak setuju.

Jadual 4.37 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Penggunaan Papan Tulis Banyak Membantu Ketika Mempelajari Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	24	40.0
Setuju	18	30.0
Tidak Pasti	8	13.3
Tidak Setuju	9	15.0
Amat Tidak Setuju	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.37 pula menunjukkan taburan persepsi responden mengenai penggunaan papan tulis banyak membantu mereka ketika mempelajari bahasa Arab. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa sebanyak 24 orang responden (40.0%) menunjukkan amat setuju, 18 orang responden (30.0%) menunjukkan setuju, seterusnya lapan orang responden (13.3%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan sembilan orang responden (15.0%) menunjukkan tidak setuju dan seorang responden (1.7%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.38 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Latih Tubi Membantu Dalam Mengingati Semula Apa Yang Telah Dipelajari Sebelumnya

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	20	33.3

Setuju	16	26.7
Tidak Pasti	11	18.3
Tidak Setuju	8	13.3
Amat Tidak Setuju	5	8.3
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.38, didapati sebanyak 20 orang responden (33.3%) menunjukkan amat setuju bahawa latih tubi banyak membantu mereka mengingati semula apa yang telah dipelajari sebelumnya, seterusnya sebanyak 16 orang responden (26.7%) menunjukkan setuju, diikuti dengan 11 orang responden (18.3%) menunjukkan tidak pasti, lapan orang responden (13.3%) menunjukkan tidak setuju dan lima orang responden (8.3%) lagi menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.39 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Minat Belajar Bahasa Arab Menggunakan Komputer

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	42	70.0
Setuju	7	11.7
Tidak Pasti	4	6.7
Tidak Setuju	4	6.7
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Manakala berdasarkan Jadual 4.39 pula, terdapat 42 orang responden (70.0%) menunjukkan amat setuju terhadap pembelajaran bahasa Arab menggunakan komputer, tujuh orang responden (11.7%) menunjukkan setuju, empat orang responden (6.7%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan empat orang responden (6.7%) lagi juga menunjukkan tidak setuju dan tiga orang responden (5.0%) pula menunjukkan amat tidak setuju. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hampir keseluruhan responden amat setuju mengatakan bahawa mereka minat belajar bahasa Arab dengan menggunakan BBM berasaskan komputer.

#### **4.1.5 Bahagian E: Persepsi Murid Terhadap Amalan Dalam Pembelajaran Bahasa Arab**

Data berkenaan persepsi murid terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran meliputi :

- 31) Guru menggunakan bahasa Arab ketika mengajar
- 32) Guru menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu ketika mengajar
- 33) Guru saya sangat kreatif ketika mengajar bahasa Arab
- 34) Guru banyak menggunakan gambar khususnya ketika mengajar sesuatu perkataan baru
- 35) Guru sentiasa menggunakan kad imbasan ketika mengajar
- 36) Guru gemar menggunakan powerpoint ketika mengajar
- 37) Saya minat menolong guru menyediakan bahan di sudut ruang bacaan khas yang terdapat dalam kelas
- 38) Saya lebih minat belajar dengan cara melihat
- 39) Saya lebih minat belajar dengan cara mendengar
- 40) Saya lebih minat belajar dengan bantuan guru



Jadual 4.40 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Guru Menggunakan Bahasa Arab  
Ketika Mengajar

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	8	13.3
Setuju	26	43.3
Tidak Pasti	8	13.3
Tidak Setuju	13	21.7
Amat Tidak Setuju	5	8.3
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.40 di atas menunjukkan persepsi responden mengenai guru menggunakan bahasa Arab ketika mengajar. Data daripada soal selidik telah mendapati lapan orang responden (13.3%) menunjukkan amat setuju, sebanyak 26 orang responden (43.3%) menunjukkan setuju, seterusnya lapan orang responden (13.3%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan 13 orang responden (21.7%) menunjukkan tidak setuju dan lima orang responden (8.3%) lagi menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.41 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Guru Menggunakan Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu Ketika Mengajar

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	36	60.0
Setuju	13	21.7
Tidak Pasti	3	5.0
Tidak Setuju	5	8.3

Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Merujuk kepada Jadual 4.41 didapati bahawa sebanyak 36 orang responden (60.0%) menunjukkan amat setuju mengenai guru menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu ketika mengajar, seterusnya 13 orang responden (21.7%) daripada responden menunjukkan setuju, tiga orang responden (5.0%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan lima orang responden (8.3%) menunjukkan tidak setuju dan tiga orang responden (5.0%) lagi menunjukkan amat tidak setuju. Jelaslah di sini bahawa guru menggunakan dwi bahasa semasa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.42 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Guru Sangat Kreatif Ketika Mengajar Bahasa Arab

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	24	40.0
Setuju	22	36.7
Tidak Pasti	7	11.7
Tidak Setuju	5	8.3
Amat Tidak Setuju	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Data berdasarkan Jadual 4.42 pula menunjukkan persepsi responden mengenai guru mereka sangat kreatif ketika mengajar bahasa Arab. Hasil daripada soal selidik telah mendapati bahawa sebanyak 24 orang responden (40.0%) menunjukkan amat setuju, seterusnya

sebanyak 22 orang responden (36.7%) menunjukkan setuju, diikuti dengan tujuh orang responden (11.7%) menunjukkan tidak pasti, lima orang responden (8.3%) menunjukkan tidak setuju dan dua orang responden (3.3%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.43 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Guru Banyak Menggunakan Gambar Khususnya Ketika Mengajar Sesuatu Perkataan Baru

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	17	28.3
Setuju	20	33.3
Tidak Pasti	9	15.0
Tidak Setuju	9	15.0
Amat Tidak Setuju	5	8.3
Jumlah	60	100.0

Daripada Jadual 4.43, dapatlah dilihat bahawa 17 orang responden (28.3%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi mengenai guru banyak menggunakan gambar khususnya ketika mengajar sesuatu perkataan baru, seterusnya sebanyak 20 orang responden (33.3%) menunjukkan setuju, sembilan orang responden (15.0%) menunjukkan tidak pasti, sembilan orang responden (15.0%) lagi juga menunjukkan tidak setuju dan hanya lima orang responden (8.3%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.44 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Guru Sentiasa Menggunakan Kad  
Imbasan Ketika Mengajar

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	11	18.3
Setuju	23	38.3
Tidak Pasti	14	23.3
Tidak Setuju	9	15.0
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Merujuk kepada jadual di atas iaitu Jadual 4.44, terdapat 11 orang responden (18.3%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi mengenai guru sentiasa menggunakan kad imbasan ketika mengajar, sebanyak 23 orang responden (38.3%) menunjukkan setuju, seterusnya 14 orang responden (23.3%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan sembilan orang responden (15.0%) menunjukkan tidak setuju dan tiga orang responden (5.0%) lagi menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.45 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Guru Gemar Menggunakan  
*Powerpoint* Ketika Mengajar

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	25	41.7
Setuju	15	25.0
Tidak Pasti	11	18.3
Tidak Setuju	8	13.3

Amat Tidak Setuju	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Manakala dalam Jadual 4.45, telah didapati sebanyak 25 orang responden (41.7%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi responden mengenai guru gemar menggunakan *powerpoint* ketika mengajar, seterusnya sebanyak 15 orang responden (25.0%) menunjukkan setuju, diikuti dengan 11 orang responden (18.3%) menunjukkan tidak pasti, lapan orang responden (13.3%) menunjukkan tidak setuju dan hanya seorang responden (1.7%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.46: Taburan Persepsi Responden Mengenai Minat Menolong Guru Menyediakan Bahan Di Sudut Ruang Bacaan Khas Yang Terdapat Dalam Kelas

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	12	20.0
Setuju	23	38.3
Tidak Pasti	7	11.7
Tidak Setuju	10	16.7
Amat Tidak Setuju	8	13.3
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.46 pula menunjukkan taburan responden mengenai mereka minat menolong guru menyediakan bahan di sudut ruang bacaan khas yang terdapat dalam kelas. Hasil daripada soal selidik telah mendapati 12 orang responden (20.0%) menunjukkan amat setuju, sebanyak 23 orang responden (38.3%) menunjukkan setuju, seterusnya tujuh orang

responden (11.7%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan 10 orang responden (16.7%) menunjukkan tidak setuju dan selebihnya lapan orang responden (13.3%) lagi menunjukkan amat tidak pasti.

Jadual 4.47 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Minat Belajar Dengan Cara Melihat

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	19	31.7
Setuju	19	31.7
Tidak Pasti	8	13.3
Tidak Setuju	7	11.7
Amat Tidak Setuju	7	11.7
Jumlah	60	100.0

Hasil daripada soal selidik berdasarkan Jadual 4.47 telah mendapati sebanyak 19 orang responden (31.7%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi mereka minat belajar melalui cara melihat, seterusnya 19 orang responden (31.7%) menunjukkan setuju, diikuti dengan lapan orang responden (13.3%) menunjukkan tidak pasti, tujuh orang responden (11.7%) menunjukkan tidak setuju dan tujuh orang responden (11.7%) lagi juga menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.48 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Minat Belajar Melalui Cara Mendengar

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	13	21.7

Setuju	22	36.7
Tidak Pasti	8	13.3
Tidak Setuju	14	23.3
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Merujuk kepada Jadual 4.48 di atas, terdapat 13 orang responden (21.7%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi mengenai mereka lebih minat belajar melalui cara mendengar, seterusnya sebanyak 22 orang responden (36.7%) menunjukkan setuju, lapan orang responden (13.3%) menunjukkan tidak pasti, diikuti dengan 14 orang responden (23.3%) menunjukkan tidak setuju dan selebihnya tiga orang responden (5.0%) menunjukkan amat tidak setuju.

Jadual 4.49 : Taburan Persepsi Responden Mengenai Minat Mereka Belajar Dengan Bantuan Guru


Item	Frekuensi	Peratus (%)
Amat Setuju	28	46.7
Setuju	20	33.3
Tidak Pasti	4	6.7
Tidak Setuju	5	8.3
Amat Tidak Setuju	3	5.0
Jumlah	60	100.0

Berdasarkan Jadual 4.49, hasil dapatan menunjukkan sebanyak 28 orang responden (46.7%) menunjukkan amat setuju terhadap persepsi mengenai mereka lebih minat belajar dengan bantuan guru, seterusnya sebanyak 20 orang responden (33.3%) menunjukkan setuju, diikuti dengan empat orang responden (6.7%) menunjukkan tidak pasti, lima orang responden (8.3%) menunjukkan tidak setuju manakala hanya tiga orang daripada responden (5.0%) menunjukkan amat tidak setuju.

#### 4.1.6 Dapatan Kajian Soal Selidik

##### 4.1.6.1 Bahan Bantu Yang Paling Diminati

Dapatan mengenai bahan bantu mengajar yang paling diminati (iaitu kategori sangat berminat dan berminat ) oleh murid adalah berdasarkan carta bar berikut :



Rajah 4.1 : Jenis-Jenis Bahan Bantu Mengajar Yang Paling Diminati

Berdasarkan Rajah 4.1, didapati bahawa BBM berasaskan komputer mencatatkan peratusan yang paling tertinggi diminati oleh murid iaitu sebanyak 90.0% daripada keseluruhan responden yang terlibat. Kemudian BBM yang mencatatkan peratusan kedua tertinggi pula



adalah BBM berbentuk gambar iaitu sebanyak 76.7% dan ketiga tertinggi adalah BBM yang berbentuk powerpoint iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 75.0%. Dengan ini jelaslah menunjukkan bahawa BBM berbentuk media elektronik adalah paling diminati oleh murid kerana perkembangan dalam arus pendidikan yang semakin maju pada masa sekarang.

Sementara itu, video pula mencatatkan peratusan yang keempat tertinggi diminati oleh murid iaitu sebanyak 73.3% dan diikuti dengan bahan bantu mengajar berbentuk kamus bergambar mencatatkan peratusan sebanyak 65.0%. Diikuti pula dengan bahan bantu mengajar berbentuk buku teks mencatatkan peratusan sebanyak 60.0%. Seterusnya BBM berbentuk kad imbasan mencatatkan peratusan sebanyak 58.3% dan diikuti dengan BBM berbentuk papan tulis mencatatkan peratusan sebanyak 56.7%. Akhirnya BBM berbentuk lembaran kerja dan latih tubi pula mencatatkan peratusan yang sama dan mencatatkan peratusan yang paling terendah diminati oleh murid iaitu sebanyak 55.0%.

Hasil daripada dapatan yang diperolehi, didapati bahawa bahan bantu yang paling diminati oleh murid adalah komputer. Menurut Yakop (1985), kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer ini boleh digunakan untuk mengatasi masalah murid yang mempunyai kebolehan dan potensi yang berbeza. Murid-murid yang cerdas boleh belajar dan menyelesaikan latihan dengan secepat mungkin mengikut tahap pemahaman mereka manakala murid-murid yang lemah pula dapat mempelajari topik yang sukar dengan berulang-ulang kali sehingga mereka faham. Hal ini dapat memotivasikan murid yang lemah untuk meningkatkan prestasi mereka.

Pembelajaran berbantuan komputer dapat memberikan peluang kepada murid memahami isi pelajaran bahasa Arab dengan lebih mudah mengikut keupayaan mereka. Menurut Rashidi (1986), kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer ini dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baru dan suasana pembelajaran yang seronok untuk murid. Tambahan lagi, penggunaan komputer telah berkembang pesat, maka tumpuan seharusnya diberikan untuk menghasilkan produk perisian yang berkualiti (Yusuf Hashim, 1998). Oleh yang demikian, kaedah ini wajar dijalankan bagi meninjau keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

4.1.6.2 Hubungan antara persepsi bahasa Arab, persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 4.50 : Nilai Korelasi Antara Persepsi Bahasa Arab, Persepsi Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dan Persepsi Terhadap Amalan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

<b>Bil</b>	<b>Aspek</b>	<b>Nilai</b>
1	Persepsi bahasa Arab dan persepsi penggunaan bahan bantu mengajar	r = .841 Sig = .000 N = 60
2	Persepsi bahasa Arab dan persepsi terhadap amalan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab	r = .817 Sig = .000 N = 60
3	Persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi terhadap amalan dalam pengajaran dan	r = .776 Sig = .000

	pembelajaran bahasa Arab	N = 60
--	--------------------------	--------

Berdasarkan jadual di atas, didapati nilai korelasi antara persepsi bahasa Arab dan persepsi penggunaan bahan bantu mengajar adalah  $r = .841$  dan tahap signifikan  $p = .000$ . Tahap signifikan adalah lebih kecil daripada  $.05$  ( $p < .05$ ). Jadi terdapat korelasi yang positif dan signifikan antara persepsi bahasa Arab dan persepsi terhadap penggunaan bahan bantu mengajar pada tahap kuat iaitu ( $r = .841$ ).

Seterusnya, nilai korelasi antara persepsi bahasa Arab dan persepsi terhadap amalan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah  $r = .817$  dan tahap signifikan  $p = .000$ . Tahap signifikan adalah lebih kecil daripada  $.05$  ( $p < .05$ ). Jadi terdapat korelasi yang positif dan signifikan antara persepsi bahasa Arab dan persepsi terhadap amalan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada tahap kuat iaitu ( $r = .817$ ).

Manakala nilai korelasi antara persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah  $r = .776$  dan tahap signifikan  $p = .000$ . Tahap signifikan adalah lebih kecil daripada  $.05$  ( $p < .05$ ). Jadi nilai tersebut juga menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang positif dan signifikan antara persepsi penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab iaitu pada tahap ( $r = .776$ ).

## **4.2 Analisis Data Soalan Pengujian**

### **4.2.1 Jantina Murid**

Murid yang telah dipilih secara rawak ini adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada 30 orang murid kumpulan kawalan dan 30 orang murid kumpulan rawatan.

Jadual 4.51 : Jantina Kumpulan Kawalan

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	18	60.0
Perempuan	12	40.0
Jumlah	30	100.0

Jadual 4.52 : Jantina Kumpulan Rawatan

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	15	50.0
Perempuan	15	50.0
Jumlah	30	100.0

Jadual 4.51 dan Jadual 4.52 menunjukkan pecahan jantina bagi setiap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Bilangan murid lelaki adalah seramai 18 orang responden (60.0%) dan bilangan murid perempuan adalah seramai 12 orang responden (40.0%) bagi kumpulan kawalan manakala bilangan murid lelaki adalah seramai 15 orang responden (50.0%) dan bilangan murid perempuan adalah seramai 15 orang responden (50.0%) bagi kumpulan rawatan.

#### 4.2.2 Pencapaian Dalam Ujian Pos

Analisis data dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF iaitu dengan melihat pencapaian yang diperolehi antara kumpulan kawalan (yang tidak didedahkan dengan bahan bantu mengajar) dan kumpulan rawatan (yang didedahkan dengan bahan bantu mengajar).

Analisis data bagi ujian pos adalah dibuat menggunakan program *SPSS versi 12.0* bagi mendapatkan skor min dan *nilai-t*. Seterusnya keputusan yang diperolehi daripada program tersebut akan dirumus oleh pengkaji dalam bab ini.


#### 4.2.2.1 Pencapaian Keseluruhan Murid Bagi Kumpulan Kawalan

Kesemua markah yang diperolehi oleh keseluruhan murid bagi kumpulan kawalan dapat dilihat dalam Jadual 4.53 seperti yang tertera dalam jadual di bawah:

Jadual 4. 53: Keputusan Keseluruhan Murid Bagi Kumpulan Kawalan (Skor)

<b>Bil</b>	<b>Jantina</b>	<b>Skor</b>	<b>Gred</b>
1	L	46	C
2	P	38	D
3	L	64	B
4	P	54	C
5	L	36	D
6	L	58	C
7	L	40	C
8	L	76	B
9	P	58	C
10	L	30	D
11	L	38	D
12	L	82	A
13	L	46	C
14	L	36	D

15	L	52	C
16	L	62	B
17	L	30	D
18	L	50	C
19	L	74	B
20	P	64	B
21	P	80	A
22	L	48	C
23	P	80	A
24	P	66	B
25	P	62	B
26	P	54	C
27	L	52	C
28	P	84	A
29	P	58	C
30	P	34	D



Rajah 4.2 : Markah Bagi Kumpulan Kawalan

Jadual di atas adalah menunjukkan markah keseluruhan yang dicapai oleh 30 orang responden bagi kumpulan kawalan dalam ujian pos yang telah dijalankan. Merujuk kepada jadual, didapati empat orang responden (13.3%) telah memperolehi gred A dalam ujian tersebut iaitu lingkungan markah 80-84 , tujuh orang responden (23.3%) memperolehi gred B iaitu dalam lingkungan markah 62-76, manakala sebanyak 12 orang responden (40.0%) memperolehi gred C iaitu dalam lingkungan markah 40-58 dan selebihnya tujuh orang responden (23.3%) mendapat gred D iaitu dalam lingkungan markah 30-38 . Markah tertinggi yang dicapai oleh responden kumpulan kawalan adalah sebanyak 84% dan markah terendah adalah 30%.

#### 4.2.2.3 Pencapaian Keseluruhan Murid Bagi Kumpulan Rawatan


Dalam bahagian ini, pencapaian keseluruhan murid bagi kumpulan rawatan akan dijelaskan dalam jadual 4.54 adalah seperti berikut:

Jadual 4.54: Keputusan Keseluruhan Murid Bagi Kumpulan Rawatan (Skor)

<b>Bil</b>	<b>Jantina</b>	<b>Skor</b>	<b>Gred</b>
1	L	52	C
2	L	62	B
3	P	56	C
4	P	95	A
5	L	54	C
6	P	94	A
7	L	74	B
8	L	70	B
9	L	62	B
10	L	70	B
11	L	80	A
12	L	60	B
13	L	52	C
14	L	54	C
15	L	86	A
16	L	60	B
17	P	60	B
18	P	66	B
19	P	85	A
20	P	84	A
21	P	88	A
22	P	80	A



23	P	74	B
24	P	62	B
25	P	82	A
26	P	90	A
27	L	70	B
28	L	74	B
29	P	84	A
30	P	94	A



Rajah 4.3 : Markah Bagi Kumpulan Rawatan

Berdasarkan ujian pos yang telah dijalankan ke atas kumpulan rawatan, jadual di atas menunjukkan markah pencapaian yang telah diperolehi oleh 30 orang responden dalam kumpulan tersebut. Hasil daripada ujian yang dijalankan, telah didapati sebanyak 12 orang responden (40.0%) memperoleh gred A iaitu dalam lingkungan markah 80-95, sebanyak 13 orang responden iaitu (43.3%) mendapat gred B dalam lingkungan markah 60-74 dan

lima orang responden (16.7%) lagi mendapat gred C iaitu dalam lingkungan markah 52-56. Hasil keseluruhan telah menunjukkan bahawa gred terendah bagi kumpulan rawatan ini adalah gred C iaitu sebanyak 52 markah dan gred tertinggi adalah gred A iaitu sebanyak 95% markah dan telah didapati tiada seorang pun dari kalangan responden memperolehi pencapaian tidak lulus.

#### 4.2.3 Dapatan Kajian Soalan Pengujian (Ujian -t)

Jadual 4. 55 : Skor min, sisihan piawai dan ujian -t untuk markah pencapaian murid

<b>Kumpulan</b>	<b>N</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Nilai -t</b>	<b>Tahap Signifikan</b>
Kawalan	30	55.47	16.273	-9.92	.000
Rawatan	30	71.97	13.788		

Berdasarkan jadual di atas, statistik deskriptif skor min bagi kumpulan kawalan ialah 55.47, manakala skor min bagi kumpulan rawatan ialah 71.97. Nilai sisihan piawai bagi kumpulan kawalan pula ialah 16.273 dan nilai sisihan piawai bagi kumpulan rawatan ialah 13.788. Manakala *nilai -t* adalah sebanyak -9.92 pada tahap signifikan .000. *Ujian -t* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dimana  $p < .05$  dan perbezaan min ialah sebanyak -16.5.

Dengan merujuk kepada jadual tersebut, hasil *ujian -t* ke atas soalan ujian yang telah dijalankan ke atas murid yang didedahkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar dan murid yang tidak didedahkan dengan bahan bantu mengajar telah didapati bahawa terdapat perbezaan skor min yang iaitu skor min bagi kumpulan rawatan (71.97) lebih besar

daripada skor min kumpulan kawalan iaitu (55.47). Ini membuktikan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dapat meningkatkan pencapaian bahasa Arab j-QAF murid tahun lima.

### **4.3 Analisis Dapatan Temu Bual Guru**

#### **4.3.1 Bahagian A : Butiran Peribadi Guru**

Kesemua guru yang mengajar subjek bahasa Arab di sekolah tersebut adalah sebanyak empat orang yang terdiri daripada dua orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan. Kesemua guru terdiri daripada usia yang berbeza-beza iaitu seorang daripada guru tersebut berumur 27 tahun, seorang berumur 29 tahun, diikuti dengan umur 30 tahun dan seorang lagi berumur 33 tahun. Kelulusan tertinggi bagi kesemua guru tersebut adalah pada peringkat ijazah sarjana muda.

Dari segi institut pengajian pula, seorang mendapat pendidikan di IPGM Kampus Ilmu Khas, dua orang mendapat pendidikan di Institut Perguruan Islam Selangor dan seorang lagi mendapat pendidikan di IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi dan kesemua guru tersebut pernah mengikuti latihan perguruan j-QAF di institut pengajian yang telah dinyatakan. Tiga orang daripada guru juga mengajar subjek Pendidikan Islam di sekolah dan hanya seorang guru yang hanya mengajar bahasa Arab sahaja.

Sementara itu, jumlah waktu mengajar seminggu bagi guru-guru tersebut adalah melebihi 20 jam. Hasil daripada temu bual, telah didapati bahawa waktu mengajar bagi seorang daripada guru tersebut adalah 24 jam seminggu, seorang lagi sebanyak 28 jam seminggu dan dua orang lagi adalah sebanyak 32 jam seminggu.

Kesemua guru adalah berminat dalam mengajar bahasa Arab dan opsyen yang dipilih ini adalah berdasarkan pilihan mereka sendiri tanpa ada sebarang paksaan dari mana-mana pihak. Pengalaman mengajar bagi guru-guru di sekolah tersebut adalah antara satu hingga lima tahun iaitu dua orang berpengalaman dalam lingkungan satu hingga dua tahun dan dua orang guru lagi berpengalaman dalam lingkungan tiga hingga lima tahun dalam pengajaran.

Jadual 4.56 : Ringkasan Butiran Peribadi Guru

	<b>Aspek</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	2	50.0%
	Perempuan	2	50.0%
Umur	27 tahun	1	25.0%
	29 tahun	1	25.0%
	30 tahun	1	25.0%
	33 tahun	1	25.0%
Kelulusan Tertinggi	Ijazah Sarjana Muda	4	100.0%
Institusi Pengajian	IPGM Kampus Ilmu Khas	1	25.0%
	Institut Perguruan Islam Selangor (IPIS)	2	50.0%

	IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi	1	25.0%
Pernah mengikuti latihan perguruan j-QAF	Ya	4	100.0%
Mata pelajaran lain yang diajar ( jika ada )	Pendidikan Islam	3	75.0%
Jumlah waktu mengajar seminggu	24 waktu 32 waktu 28 waktu	1 1 2	25.0% 25.0% 50.0%
Berminat mengajar bahasa Arab	Ya	4	100.0%
Mengapa mengajar bahasa Arab	Pilihan sendiri	4	100.0%
Pengalaman mengajar bahasa Arab	1-2 tahun 3-5 tahun	2 2	50.0% 50.0%

#### 4.3.2 Bahagian B : Pandangan Guru Berhubung BBM

Menerusi temu bual yang dijalankan bersama empat orang guru, telah didapati bahawa tiga orang daripada guru tersebut menyatakan kemahiran bertutur dan mendengar paling banyak memerlukan sokongan daripada BBM kerana kedua-dua kemahiran ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain kerana perkaitan antara mendengar sesuatu perkataan atau ayat dengan jelas adalah penting dalam menghasilkan satu pertuturan yang baik dan seorang guru lagi menyatakan kemahiran membaca dan menulis paling banyak memerlukan sokongan daripada BBM.

Daripada temu bual tersebut juga, didapati bahawa BBM yang paling kerap digunakan oleh keempat-empat orang guru yang mengajar bahasa Arab adalah BBM yang asas iaitu kad imbasan dan gambar kerana bahan-bahan ini mudah didapati dan senang untuk dibawa. Guru-guru juga tidak memerlukan masa yang lama untuk menyediakan BBM tersebut. Lebih dari itu lagi, kos yang digunakan untuk menyediakan bahan-bahan tersebut adalah sangat murah.

Kesemua guru berpendapat bahawa kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam langkah pengajaran adalah semasa berlakunya proses pengembangan dalam pengajaran kerana proses ini merupakan proses yang paling penting dalam menyampaikan isi pelajaran kepada murid. Namun begitu, BBM juga kadangkala digunakan dalam langkah pengajaran yang lain tetapi agak terhad berbanding dengan proses pengembangan dalam pengajaran.

Mengenai tempoh masa dalam satu waktu pengajaran yang digunakan untuk mempersembahkan bahan bantu mengajar adalah lebih kurang dalam 15 minit ke 20 minit sahaja kerana waktu pengajaran bagi setiap sesi adalah selama sejam. Kepentingan

penggunaan bahan bantu mengajar yang dinyatakan oleh guru-guru tersebut adalah dapat memberikan gambaran yang jelas kepada murid, bahan bantu mengajar memudahkan mereka untuk mengawal kelas, interaksi antara guru dan murid lebih berkesan apabila mereka menggunakan bahan bantu mengajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran, pengajaran lebih mudah dan efektif dengan disertakan dengan penggunaan bahan bantu mengajar dan mereka mengakui dapat mencetuskan suasana belajar yang ceria dengan adanya penggunaan bahan bantu mengajar tersebut.

#### 4.3.3 Bahagian C: Masalah Dan Cadangan Berhubung BBM

Masalah-masalah yang dihadapi berkaitan dengan penggunaan bahan bantu mengajar di sekolah adalah dari sudut masa yang begitu padat dengan aktiviti-aktiviti luar seperti aktiviti ko-kurikulum dan bebanan kerja luar menyebabkan mereka tiada masa dalam menyediakan bahan bantu untuk mengajar. Selain itu, faktor kewangan juga menjadi masalah dalam penyediaan bahan-bahan tersebut. Ketiadaan sokongan daripada pihak sekolah, ibu bapa dan kawan-kawan juga adalah punca masalah kepada mereka dalam menyediakan bahan bantu mengajar. Mereka mengatakan bahawa perlunya bantuan dan sokongan daripada pihak lain dalam membantu mereka dalam penyediaan bahan-bahan tersebut.

Cadangan atau saranan guru-guru berhubung dengan masalah yang dihadapi dalam meningkatkan lagi penggunaan BBM adalah agar pihak sekolah memberikan mereka ruang dan waktu untuk menyediakan bahan-bahan yang diperlukan dalam pengajaran dan mengadakan sesi perbincangan untuk menghasilkan bahan-bahan yang bermanfaat yang boleh digunakan bersama memandangkan penyediaan bahan bantu mengajar amat membebankan mereka. Pihak sekolah juga seharusnya memperuntukkan wang yang

mencukupi bagi penyediaan bahan-bahan dan perlu memastikan agar bahan-bahan tersebut dapat diseliakan dengan baik. Selain itu, mereka juga mengharapkan agar menyediakan kursus-kursus berkaitan dengan bahan bantu mengajar yang terkini untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka yang telah sedia ada agar mereka lebih kreatif dalam melahirkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkualiti.

#### **4.4 Penutup**

Keseluruhannya, segala dapatan daripada soal selidik dan soalan pengujian telah dihuraikan dengan terperinci oleh pengkaji dengan menggunakan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Data daripada temu bual pula telah dihuraikan dalam bentuk kualitatif dan deskriptif. Hal ini menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar berasaskan *powerpoint*, gambar dan kad imbasan memberikan kesan yang positif dalam pencapaian murid. Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar amat membantu dalam proses pembelajaran murid. Keberkesanan bahan bantu mengajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF. Diharapkan kajian yang dijalankan ini akan membantu dan memberikan kepentingan kepada pihak-pihak yang terlibat bagi memantapkan lagi bahasa Arab menerusi program j-QAF khususnya.